

# PENUNTUT TERBAIK KURSUS ASAS PENERBANGAN DI KOLEJ TENTERA UDARA



[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/1831-penuntut-terbaik-kursus-asas-penerbangan-di-kolej-tentera-udara](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/1831-penuntut-terbaik-kursus-asas-penerbangan-di-kolej-tentera-udara)

ALOR SETAR, 25 Apr 17 - Panglima Tentera Udara, YBhg Jeneral Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM telah menyempurnakan penyampaian Piala Panglima Tentera Udara bagi Penuntut Terbaik Keseluruhan Penerbangan Sayap Kaku kepada Lt Abdul Samad bin Daud TUDM.



Manakala Piala Panglima Pendidikan dan Latihan Udara kepada Penuntut Terbaik Akademik, Lt Izzat Ikhmal Dzulhelmi bin Dzulkiflee TUDM dan Piala Nuri kepada Penuntut Terbaik Penerbangan Helikopter iaitu Lt Aslam Hariri bin Abdul Rashid TUDM.



Anugerah ini telah disampaikan oleh Panglima Tentera Udara semasa Istiadat Perbarisan Penyampaian Sayap Penerbangan kepada pelatih-pelatih Kursus Asas Penerbangan Siri 78/15 dan Kursus Asas Peralihan Helikopter Siri 57/16 yang diadakan di Kolej Tentera Udara, Alor Setar.

